

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' SERI TIONG KING SING [ BINTULU ]**  
**TARIKH : 12 NOVEMBER 2014**  
**SOALAN :**

**YB DATO SERI TIONG KING SING [ BINTULU ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan:

- a. sampai bilakah pihak Kementerian terpaksa bergantung kepada doktor pakar dari luar negara dalam pengisian kekurangan perjawatan doktor pakar tempatan di hospital-hospital seluruh negara; dan
- b. adakah pihak Kementerian berhasrat untuk mengadakan juruaudit yang terdiri daripada doktor pakar tempatan bagi memantau dan memastikan profesionalisme doktor pakar luar negara yang diambil.

## **Tuan Yang DiPertua,**

Pada masa ini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) masih menghadapi kekurangan Pegawai Perubatan Pakar. Sehubungan itu, sebagai langkah jangka pendek, KKM masih meneruskan pengambilan Pegawai Perubatan Pakar dalam kalangan warganegara asing secara kontrak untuk berkhidmat dengan KKM. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30 Jun 2014, terdapat seramai 169 orang Pegawai Perubatan Pakar kontrak sedang berkhidmat di KKM. Daripada jumlah tersebut, terdapat seramai 73 orang Pegawai Perubatan Pakar Kontrak Warganegara dan 96 orang Pegawai Perubatan Pakar Kontrak Bukan Warganegara.

Walau bagaimanapun, bilangan Pegawai Perubatan Pakar lantikan kontrak telah berkurangan berbanding tahun sebelumnya, di mana pada tahun 2012 adalah seramai 196 orang, manakala pada tahun 2013 berkurangan kepada 173 orang.

## **Tuan Yang DiPertua,**

KKM memang mempunyai mekanisma penilaian bagi memastikan profesionalisme dan kualiti kepakaran doktor pakar luar negara yang diambil berkhidmat di negara ini adalah memuaskan. Penilaian ini dibuat melalui Jawatankuasa Pemilihan Pegawai Kontrak KKM yang dianggotai oleh pegawai teknikal KKM termasuklah wakil dari Majlis Perubatan Malaysia. Input dari pelbagai pihak yang berkaitan juga diperolehi misalnya dari *National Specialist Registry*, Ketua Perkhidmatan Kepakaran KKM dan sebagainya. Bagi tujuan pengiktirafan sebagai Pakar, penilaian adalah dibuat oleh Jawatankuasa Khas Perubatan yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia.